

# Kerajaan diminta buat keputusan terbaik

## 3 agensi pantau lori bauksit

\* Aktiviti angkut mutuan rosakkan jalan, ejas kesihatan

Hishamuddin Husin  
kisahku.com.my

Cikgu

**K**erajaan negara diminta mengambil tindakan bersegera menurunkan aktiviti mengangkut bauksit yang berlaku di kawasan sekitar Tanjung Selor dan Tawau. Dua operasi ini

**Kuantan:** Kerajaan diminta mengambil kira nasib dan kebijakan semua pihak dalam memutuskan sama ada untuk melanjutkan atau menarik balik moratorium kegiatan perlombongan bauksit selama tiga bulan yang berakhir 15 April ini.

Penduduk mahu kerajaan membuat keputusan terbaik untuk semua pihak, mereka yang tinggal di kawasan sekitar dan peneroka yang memajak tanah dan perlombongan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemanjauan dan Keselamatan Kampung (JKKK) FELDA Bukit Goh, Mat Zahari Derahman, ada yang sudah tandatangan surat keberaneka kepada pengusaha lombong dan jika terus digantung operasi, mereka ini berdepan masalah kewangan.



Lori membawa mutuan bauksit ketika melalui sisi sungai Pahang Teluk di Lebuhraya LRT2 antara Sungai Sipit dan Sungai Tembeling.

memandu dengan laju sehingga menyebabkan kerusakan pada jalan dan peralatan pengangkutan.

"Selain itu, ia juga menghalang struktur jalan dan jambatan setiap mengalami kerusakan dan menyumbulkan kesulitan terhadap lori bauksit mengangkut sejumlah mutuan," katanya.

### Masalah penduduk

"Kita juga kena tengok masalah dihadapi penduduk lain... mereka yang terjejas akibat habuk kesan aktiviti perlombongan bauksit. Semua ini kena tengok dulu macam mana sebenarnya keputusan mukamad dibuat," katanya kepada BH, semalam.

Beliau diminta mengulas kebenaran Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar semalam bahawa Kabinet akan membuat keputusan sama ada untuk menarik balik atau meneruskan moratorium kegiatan bauksit, pada minggu hadapan.

Pada 6 Januari lalu, kerajaan mengumumkan semua aktiviti perlombongan dan eksport bauksit di negeri ini dihentikan selama tiga bulan mulai

15 Januari, manakala pengeluaran permit ekspor (AP) dibekukan.

Peneroka FELDA Bukit Goh, Affendi Muhammad, 37, pula berkata pengumuman mengenai moratorium oleh kerajaan minggu depan sangat penting untuk menentukan corak hidup peneroka FELDA itu.

"Ramai peneroka yang sudah pajak tanah mereka kepada pengusaha lombong dan ada tanah mereka sudah dibersihkan."

"Jika tempo (moratorium) disambung, maknanya mereka tidak dapat jana pendapatan kerana bauksit tidak dapat dieluarkan dari tanah mereka itu."

"Ada juga yang risau jika kerajaan tidak meneruskan lagi operasi bauksit di sini, sudah pasti mereka akan kehilangan punca pendapatan ke-

rana kelapa sawit ditanam di kawasan tanah mereka sudah ditebang untuk beri lauan kepada pengusaha bauksit melombong bahan mineral terabit," katanya.

### Sedia SOP

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr Muhamzir Hasan, berkata moratorium itu wajar dilanjutkan supaya satu prosedur operasi standard (SOP) mapan dapat disediakan untuk panduan perlombongan.

Katanya, langkah itu penting kerana semua pihak, termasuk penduduk berhampiran kawasan perlombongan dan penyimpanan bauksit tidak mahu apa yang terjadi sebalum ini berulang.

"Pelbagai masalah timbul kerana tiada SOP jelas contohnya perlombongan mengorek sekali galian yang bukannya bauksit dan mencemarkan persekitaran apabila diajukan menggunakan lori," katanya.

Bagi penduduk kawasan perumahan Aspa Cottage, di sini, Nordin Othman, 60, sebarang keputusan kerajaan berhubung perkara itu perlu mengambil kira pandangan penduduk setempat.

"Kalau boleh, kita nak moratorium disambung lagi... sejak ia dilaksanakan Januari lalu, banyak perubahan dapat kita lihat."

"Sebelah taman perumahan kami ini, ada taktik buatan dan sepanjang operasi perlombongan bauksit berjalan dulu... memang tercerem teruk," katanya.

Beliau berkata, walaupun aktiviti perlombongan bauksit diajukan menyumbang kepada ekonomi kerajaan negeri dan penduduk sekitar, namun kira-kira 300 penduduk kawasan itu lebih risau kesan jangka panjang akibat aktiviti terabit.